# PELAN PEMULIHAN NEGARA – FASA 2
# SOP PERLOMBONGAN DAN PENGKUARIAN

Dikemaskini pada 8 Julai 2021

### Merangkumi

- Pembekalan mineral dan bahan batuan termasuk pasir serta pergerakannya dari tenemen mineral, kuari atau tapak pengorekan ke premis atau tapak projek pembinaan infrastruktur awam yang utama dan kerja-kerja pembinaan bangunan serta premis industri/ perkhidmatan perlu yang dibenarkan.
- Penjagaan dan penyelenggaraan di atas tenemen mineral, kuari atau tapak pengorekan serta di premis Lesen Mineral dan Lesen Memproses Mineral bagi tujuan keselamatan (*safety and security*) untuk mengelakkan risiko kemalangan.
- Pengoperasian tenemen mineral, kuari dan tapak pengorekan bagi tujuan penghasilan mineral dan bahan batuan termasuk pasir.
- Pengeksportan mineral dan bahan batuan termasuk pasir sungai ke luar negara (Bagi Fasa 2, 3 dan 4).

### Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan

- Semua aktiviti tidak dibenarkan kecuali yang mendapat kebenaran MKN, KeTSA atau Agensi Diberi Kuasa.

### Arahan Tetap

- Peraturan 16 P.U. (A) 293/2021.
- Akta 342.
- Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit) (Pindaan) 2021.
- Setiap syarikat prinsipal perlu menyenaraikan dan memohon bersekali kebenaran beroperasi bagi sub kontraktor di bawahnya dari Agensi Diberi Kuasa (KeTSA) untuk meluluskan.
- Perintah Kastam (Larangan Mengenai Eksport) 2020.
- Akta Pelantar Benua 1966.

| **Waktu Beroperasi** | Normal | **Waktu Kehadiran Pelanggan** | Normal | **Kapasiti Pekerja** | Optimum atau tertakluk kepada peratusan (%) dibenarkan MKN/ Agensi Diberi Kuasa |
|---|---|---|---|---|---|

## AKTIVITI DAN PROTOKOL

### Penerangan Umum

**Hanya pemegang Lesen Mineral dan Lesen Memproses Mineral yang membuat pembekalan kepada industri/ perkhidmatan perlu akan dipertimbangkan untuk kelulusan. Setiap permohonan kebenaran hendaklah dibuat kepada KeTSA/ JMG melalui emel apply_cmrss@jmg.gov.my.**

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| **Aplikasi MySejahtera** | • Pekerja dan kontraktor hendaklah memuat turun aplikasi MySejahtera ke dalam telefon bimbit masing-masing bagi tujuan pengesanan kontak rapat.<br>• Pekerja dan kontraktor diwajibkan untuk merekod kehadiran bekerja melalui aplikasi MySejahtera atau menulis nama dan nombor telefon yang boleh dihubungi secara manual sekiranya tidak mempunyai telefon bimbit atau tiada liputan internet. |
| **Pematuhan Kawalan Kesihatan** | • Menjalankan saringan termasuk imbasan suhu dan taklimat kesihatan kepada pekerja pada setiap hari bekerja. Hanya pekerja dengan suhu 37.5 °C dan kurang serta yang tidak mempunyai batuk, sakit tekak atau susah nafas sahaja dibenarkan bekerja.<br>• Menyediakan *hand sanitizer* di lokasi-lokasi utama.<br>• Mematuhi penjarakan fizikal.<br>• Melaporkan kepada KKM dan JMG jika terdapat pekerja yang dijangkiti atau disyaki mengidap COVID-19.<br>• Menyediakan kawasan mencuci tangan dengan sabun dan air. |
| **Pengurusan Tenaga Kerja** | Boleh dibenarkan bekerja secara penggiliran hari atau syif dengan ketetapan Kapasiti Tenaga Kerja mengikut fasa pada satu-satu masa. |
| **Kawalan Pergerakan** | • Dibenarkan (dengan surat pelepasan majikan/ pas pekerja):<br>i. Antara Daerah<br>ii. Antara Negeri<br>• Pekerja wajib membawa surat kelulusan beroperasi dari Agensi yang Diberi Kuasa<br>• Syarikat/ Premis Perniagaan hendaklah mempamerkan surat kelulusan beroperasi |

# PELAN PEMULIHAN NEGARA – FASA 2
# SOP PERLOMBONGAN DAN PENGKUARIAN

## Merangkumi

- Pembekalan mineral dan bahan batuan termasuk pasir serta pergerakannya dari tenemen mineral, kuari atau tapak pengorekan ke premis atau tapak projek pembinaan infrastruktur awam yang utama dan kerja-kerja pembinaan bangunan serta premis industri/ perkhidmatan perlu yang dibenarkan.
- Penjagaan dan penyelenggaraan di atas tenemen mineral, kuari atau tapak pengorekan serta di premis Lesen Mineral dan Lesen Memproses Mineral bagi tujuan keselamatan (*safety and security*) untuk mengelakkan risiko kemalangan.
- Pengoperasian tenemen mineral, kuari dan tapak pengorekan bagi tujuan penghasilan mineral dan bahan batuan termasuk pasir.
- Pengeksportan mineral dan bahan batuan termasuk pasir sungai ke luar negara (Bagi Fasa 2, 3 dan 4).

## Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan

- Semua aktiviti tidak dibenarkan kecuali yang mendapat kebenaran MKN, KeTSA atau Agensi Diberi Kuasa.

## Arahan Tetap

- Peraturan 16 P.U. (A) 293/2021.
- Akta 342.
- Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit) (Pindaan) 2021.
- Setiap syarikat prinsipal perlu menyenaraikan dan memohon bersekali kebenaran beroperasi bagi sub kontraktor di bawahnya dari Agensi Diberi Kuasa (KeTSA) untuk meluluskan.
- Perintah Kastam (Larangan Mengenai Eksport) 2020.
- Akta Pelantar Benua 1966.

| **Waktu Beroperasi** | Normal | **Waktu Kehadiran Pelanggan** | Normal | **Kapasiti Pekerja** | Optimum atau tertakluk kepada peratusan (%) dibenarkan MKN/ Agensi Diberi Kuasa |
|---|---|---|---|---|---|

## AKTIVITI DAN PROTOKOL

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| **Punca Kuasa, Kebenaran dan Maklumat** | 1. Bagi aktiviti pembekalan mineral dan bahan batuan termasuk pasir kepada industri/ perkhidmatan perlu:<br><br>(a) Bagi projek-projek pembinaan seperti dinyatakan di dalam Pelan Pemulihan Negara berdasarkan senarai Perkhidmatan Perlu mengikut sektor Pembinaan yang disahkan oleh Agensi Diberi Kuasa;<br>(b) Bagi pembuatan simen, ia adalah termasuk, tetapi tidak terhad kepada, batu kapur, pasir, agregat, klinker, *gypsum*, bijih besi, atau mineral dan bahan batuan lain yang berkaitan;<br>(c) Pembekalan mineral dan bahan batuan termasuk pasir kepada premis industri/ perkhidmatan perlu lain seperti farmaseutikal, rawatan air, industri gula, pembuatan sarung tangan dan lain-lain; dan<br>(d) Bagi mineral dan bahan batuan termasuk pasir, takrifannya masing-masing adalah sepertimana di bawah Akta Pembangunan Mineral 1994, Kanun Tanah Negara 1965 (Akta 828) dan Akta Pelantar Benua 1966 serta perundangan lain yang berkenaan.<br><br>2. Premis merujuk kepada tapak pembinaan atau kilang pembuatan dalam perkhidmatan perlu termasuk tapak operasi yang telah diluluskan Lesen Mineral atau Lesen Memproses Mineral;<br><br>3. Hanya pemegang Lesen Mineral dan Lesen Memproses Mineral yang membuat pembekalan kepada perkara (1) di atas akan dipertimbangkan untuk kelulusan. |

# PELAN PEMULIHAN NEGARA – FASA 2
# SOP PERLOMBONGAN DAN PENGKUARIAN

| Waktu Beroperasi | Normal | Waktu Kehadiran Pelanggan | Normal | Kapasiti Pekerja | Optimum atau tertakluk kepada peratusan (%) dibenarkan MKN/ Agensi Diberi Kuasa |
|---|---|---|---|---|---|

### Merangkumi

- Pembekalan mineral dan bahan batuan termasuk pasir serta pergerakannya dari tenemen mineral, kuari atau tapak pengorekan ke premis atau tapak projek pembinaan infrastruktur awam yang utama dan kerja-kerja pembinaan bangunan serta premis industri/ perkhidmatan perlu yang dibenarkan.
- Penjagaan dan penyelenggaraan di atas tenemen mineral, kuari atau tapak pengorekan serta di premis Lesen Mineral dan Lesen Memproses Mineral bagi tujuan keselamatan (*safety and security*) untuk mengelakkan risiko kemalangan.
- Pengoperasian tenemen mineral, kuari dan tapak pengorekan bagi tujuan penghasilan mineral dan bahan batuan termasuk pasir.
- Pengeksportan mineral dan bahan batuan termasuk pasir sungai ke luar negara (Bagi Fasa 2, 3 dan 4).

### Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan

- Semua aktiviti tidak dibenarkan kecuali yang mendapat kebenaran MKN, KeTSA atau Agensi Diberi Kuasa.

### Arahan Tetap

- Peraturan 16 P.U. (A) 293/2021.
- Akta 342.
- Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit) (Pindaan) 2021.
- Setiap syarikat prinsipal perlu menyenaraikan dan memohon bersekali kebenaran beroperasi bagi sub kontraktor di bawahnya dari Agensi Diberi Kuasa (KeTSA) untuk meluluskan.
- Perintah Kastam (Larangan Mengenai Eksport) 2020.
- Akta Pelantar Benua 1966.

## AKTIVITI DAN PROTOKOL

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| **Punca Kuasa, Kebenaran dan Maklumat** | 1. Bagi kebenaran pengoperasian tenemen mineral, kuari dan tapak pengorekan termasuk pasir berdasarkan kepada pengesahan Agensi Diberi Kuasa:<br>(a) Operasi tenemen mineral, kuari dan tapak pengorekan termasuk pasir adalah tertakluk kepada skim operasi yang telah diluluskan di dalam Surat Kelulusan Skim Pengendalian Melombong (SKSPM) oleh JMG dan SKSK/Permit 4B atau 4C atau kelulusan lain yang masih sah;<br>(b) Pematuhan terhadap peruntukan undang-undang perlombongan, pengkuarian atau operasi pengorekan bahan batuan sedia ada; dan<br>(c) Perkhidmatan konsultan profesional adalah dibenarkan sekiranya perlu.<br>2. Bagi maksud pengoperasian tenemen mineral, ia merujuk kepada Pajakan Melombong atau Lesen Melombong Tuan Punya dan termasuk tapak operasi yang telah diluluskan Lesen Mineral, Lesen Memproses Mineral atau kebenaran lain oleh Pihak Berkuasa Negeri.<br>3. Pengeksportan mineral dan bahan batuan termasuk pasir adalah tertakluk kepada pematuhan syarat-syarat yang ditetapkan oleh Kementerian Tenaga dan Sumber Asli selaras dengan Perintah Kastam (Larangan Mengenai Eksport) 2020. |